

PANDUAN UNTUK PENCERAMAH-PENCERAMAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Negara Brunei Darussalam telah menetapkan dalam Perlembagaannya bahawa agama Islam adalah agama rasmi menurut Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan menurut mazhab Imam Shafie, maka dalam menyampaikan ceramah atau syarahan walaupun pensyarah-pensyarah itu bebas memilih apa-apa jua tajuk dan topik mengenai agama, panduan-panduan berikut hendaklah dipatuhi:

1. Dalam masalah Feqah dan Usul hendaklah mengikut qaul yang muktamad dalam mazhab Shafie.
2. Dalam masalah Aqidah hendaklah mengikut fahaman Ahli Sunnah Wal-Jamaah, golongan al-Asy'ariah dan al-Maturidiyah.
3. Jangan menimbulkan masalah **Khilafiah** yang nanti akan menyulitkan penerimaan fikiran orang ramai umpamanya dalam masalah-masalah berikut:
 - a) Khilaf sama ada sembahyang Tarawih 8 atau 20 rakaat (kerana amalan umat Islam di sini ialah 20 rakaat).
 - b) Sembahyang Qadha.
 - c) Menyentuh perempuan *ajnabiah*.
 - d) Talqin mayat.
 - e) Kenduri arwah, tahlil, malam Nisfu Syaaban, Sambutan Memperingati Hari-Hari Kebesaran Islam iaitu Awal Tahun Hijrah, Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasasalam, Isra' Mikraj dan Nuzul Al-Quran.
 - f) Adat yang tidak bercanggah dengan Islam.
4. Jangan menimbulkan masalah-masalah yang hanya khusus untuk ahli-ahli Feqah, Tauhid dan Tasawuf sahaja (ulama-ulama) kerana orang ramai tidak begitu faham akan bahasan masalah-masalah tersebut memandangkan kepada terlampau khususnya masalah itu.
5. Hendaklah tidak membincangkan mengenai politik negeri.
6. Penghuraian sesuatu masalah sebaiknya dilakukan dengan cara positif dan tidak melalui kaedah negatif, umpamanya: menyatakan seseorang yang membaca al-Quran tanpa mengetahui maknanya. Seorang pensyarah negatif akan mengatakan cara membaca al-Quran seperti ini tidak mendatangkan faedah sebagaimana yang ditentukan oleh al-Quran. Seorang pensyarah yang bersifat positif menyatakan baca sahaja al-Quran sama ada difahami atau tidak maknanya, pasti akan mendatangkan kebaikan tetapi jikalau difahami maknanya tentu lebih sempurna dan mendatangkan faedah yang lebih besar dari sekadar membaca sahaja.
7. Harus dijadikan ingatan bahawa jikalau membuat sesuatu perbandingan hendaklah jangan menyebabkan orang Brunei menganggap bahawa apa

- yang ada dalam Negara Brunei Darussalam itu tidak baik atau selalunya salah dan harus ditinggalkan manakala apa yang dibuat oleh orang lain itu sentiasa baik dan harus diikuti.
8. Eloklah mengambil dari bahan-bahan rujukan kitab-kitab yang muktabar, antaranya seperti berikut:
 - a) Riadhus Salihin oleh al-Imam an-Nawawi
 - b) Tafsirul Jalalain oleh al-Imam Jalaludin, al-Mahalli dan as-Sayuti
 - c) Al- Ma'jimu Syarhul Muhazzab oleh al-Imam an-Nawawi.
 - d) Ihya Ulumuddin oleh al-Imam Al-Ghazali
 - e) Syarah at-Taftazani Lila 'aqaid an-Nasafiyah
 - f) Az-Zawajir oleh al-Imam Ibn Hajar al-Haithami
 - g) Bughyatul Mustarsyidin oleh Syed Abdul Rahman Ba'alwi
 - h) Fatwa Mufti
 - i) Bersama Mufti
 - j) Irsyad Hukum
 - k) Zainuttalib
 - l) Zainul Insan
 - m) Kitab-Kitab Hadis Kutub Tis'ah
 - n) Bahrul Mazi
 - o) Nailul Authar
 - P) Siarrus Saalikin
 - q) Sabilul Muhtadin
 - r) Matla'ul Badrain
 - s) Zubdatul Wa'idzin
 - t) Al-Fiqh al-Islam Wa-Adillatuhu
 - u) Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemaahannya.
 9. Penceramah hendaklah memastikan penggunaan hadis-hadis yang sahih dengan menyebutkan sanad dan matannya, khususnya yang berkaitan dengan hukum-hakam. Penggunaan hadis maudhu' adalah ditegah.
 10. Jangan menimbulkan perselisihan pendapat atau mempertikaikan penceramah lain di hadapan umum sehingga menimbulkan kekeliruan dan perpecahan di kalangan orang ramai.
 11. Jangan menimbulkan dan membangkitkan semangat perkauman atau mempersoalkan serta mempertikaikan mana-mana pemimpin yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian Negara.
 12. Jangan jadikan medan ceramah sebagai ruang untuk mempengaruhi masyarakat ke arah fahaman yang ekstrem tentang Islam seperti penafsiran jihad yang sempit yang boleh mencemarkan imej Islam.